

Diterima dan direkodkan pada 13 JUN 2002

Keluaran 1/ Mei 2002 Safar 1423

ISSN 1675 - 1876 Naskhah Percuma

T. Tangan

Hakmilik Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (Perpustakaan Kuala Lumpur-Ibu Pejabat)

# Berita Bandaraya

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



Y.B. Datuk Pandikar Amin dan Y.Bhg. Datuk Mohamad Shaid sedang membersihkan sampah di Jalan Masjid India

## Pembersihan Jalan Masjid India

mencadangkan agar penjaja-penjaja makanan di sekitar ibu kota menggunakan kaedah van bergerak. Dengan cara ini, kebersihan akan terjamin dan perniagaan akan lebih kelihatan kemas dan teratur.

Selepas Jalan Petaling, tiba pula giliran Jalan Masjid India, di mana, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) membuat operasi gotong-royong pada 14 April 2002.

Operasi ini adalah lebih kepada membersihkan dan mencantikkan Jalan Masjid India yang mana dikenali juga sebagai "Little India" di kalangan pengunjung dan pelancong.

Gotong-Royong ini telah disertai oleh Y.B. Datuk Pandikar Amin Bin Haji Mulla, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.Bhg. Datuk Mohamad Shaid Bin Mohd. Taufiq, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Y.Bhg. Datuk Hj. Ruslin Bin Hassan, Ketua Pengarah DBKL, Dato' Muziman Bin Samiolo, Pengerusi, Persatuan Perumahan Awam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pegawai Pegawai Kanan DBKL dan orang ramai.

Operasi gotong-royong ini juga akan dilakukan dari masa ke semasa untuk menjadikan Jalan Masjid India bersih dan kemas, l o n g k a n g - l o n g k a n g dibersihkan dan juga memastikan sampah dibuang dengan cara yang betul agar kawasan ini lebih selesa dikunjungi oleh semua lapisan masyarakat dalam dan luar negara.

Pada masa yang sama, Y.B. Datuk Pandikar Amin

Sementara itu, kawasan Jalan Masjid India juga terlibat dengan program penanaman semula pokok, yang mana pokok-pokok yang telah dikenalpasti telahpun ditebang dan digantikan dengan pokok yang renek dan rendang supaya kawasan ini lebih ceria dan indah.

Seterusnya, DBKL akan mengadakan operasi yang sama di lain-lain kawasan seperti Kampung Baru yang terkenal dengan pelbagai jenis perniagaan.



Datuk Bandar Kuala Lumpur sedang menggoreng mee dalam van bergerak sambil diperhatikan Y.B. Datuk Pandikar Amin.

KUALA LUMPUR KOLEKSI PERPUSTAKAAN DIGITAL

## Rencana Pengarang

Tahap kebersihan di Kuala Lumpur, walaupun telah meningkat, masih memerlukan usaha dan kerjasama dari semua pihak untuk menjadikannya benar-benar mantap, sesuai dengan kedudukannya sebagai ibu negara.

Dalam menuju matlamat ini, semua pihak harus berubah sikap dan sedar bahawa kebersihan bukan hanya satu 'ideal' tetapi juga merupakan satu tuntutan agama dan tanggungjawab sosial serta menjadi unsur ketamaddunan manusia yang dapat melahirkan kesejahteraan dan kebahagiaan hidup di muka bumi.

Sikap mementingkan diri sendiri dan suka mencari jalan mudah tanpa mengambil kira kesan dan akibat kepada orang lain dan alam sekitar banyak menyumbang kepada masalah kebersihan di Kuala Lumpur.


Sikap dan kesedaran tentang kebersihan perlu disemai dan dipupuk mulai dari awal lagi. Keluarga, rumahtangga dan institusi pendidikan menjadi asas pertama di mana nilai-nilai murni dan unggul mengenai kebersihan ditanamkan. Apabila nilai-nilai tersebut bercambah dan berkembang luas, barulah kita dapat melahirkan satu budaya bangsa yang tersohor.

Keadaan yang bersih dan indah bukan sahaja menjadi intipati kepada kehidupan yang berkualiti tetapi juga memainkan peranan yang besar sebagai tarikan kepada para pelancong dan pelawat yang ingin datang ke Kuala Lumpur.

**SELAMAT HARI PEKERJA**

## Kata-Kata Hikmah

Tanda akal seseorang itu ialah pekerjaannya  
dan  
tanda hati seseorang itu ialah perkataannya.



*Penasihat*

*Halijah Binti Othman*

*Ketua Editor*

*Zainal Abidin Bin Hj. Mohd. Zain*

*Editor*

*Samsul Bahar Bin Ibrahim*

*Sara Editor*

*Hanim Binti Hj. Hashim*

*Suriyana Binti Ismail*

*Jurufoto*

*Mubarak Bin Mohd. Atan*

*Abd. Khani Bin Md. Shohor*

*Md. Ismail Bin Isnin*

*Cetakan*

*Unit Repografi*

*Jabatan Pengurusan Organisasi  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur*

*Alamat Editor*

*Berita Bandaraya*

*Bahagian Hal Ehwal Awam  
Jabatan Pengurusan Organisasi  
Tingkat 5, Bangunan DBKL*

*Atau berhubung dengan*

*Suriyana Binti Ismail*

*Tel : 03-2691 6011 samb. 3851*

*Faks : 03-2694 1373*

*E-mel : akhbar@dbkl.gov.my*

Berita Bandaraya

*Khidmat*

Jabatan Kerja Awam  
Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut  
**03-2699 3597**

Jabatan Seni Taman & Kawalan Pembersihan Bandar  
Tingkat 16, Menara Dato' Onn, PWTC  
**03-4045 3320**

Direktorat Penguatkuasaan  
Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah Blok A,  
Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.  
**03 - 4023 1133**

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan  
Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.  
**03-2691 6011 samb. 3806/3868**

Jabatan Pengangkutan Bandar  
Tingkat 19 Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut.  
**03 - 2691 0555**

Jabatan Kesihatan  
Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran,  
Km.4, Jalan Cheras.  
**03 - 9284 5166**

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil  
Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut.  
**03 - 2698 6989**

Jabatan Pelesenan  
Tingkat Bawah, Bangunan Bank Utama  
56, Jalan Tuanku Abdul Rahman.  
**03 - 2698 6177 samb. 100**

Jabatan Pengurusan Perumahan  
Tingkat Bawah,  
No. 12, , Jalan Tuanku Abdul Rahman.  
**03 - 2691 2112**

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai  
Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.  
**03 - 2691 6011**

Hotline DBKL  
**03-4022 0033**  
(Banjir, lemas, tanah runtuh, jalan berlubang)  
**03-9284 3636/9284 3434**  
(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam  
Bhg. Hal Ehwal Awam  
**03-2699 3852**

*Hari Mesra Pelanggan  
(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)  
9.00 pagi - 12 tengahari*

Pegawai Bertugas  
Muhamad Bin Wahab Tel : 03-2697 7097

# Pengekalan Bangunan Bersejarah Di Kuala Lumpur

Bangunan-bangunan pencakar langit yang diselangi dengan bangunan warisan sejarah menghiasi pemandangan Kuala Lumpur. Sejarah memainkan peranan yang utama dalam membentuk wajah bandar raya ini sebagaimana terpapar seni bina bangunan dan binaan.

Selepas 100 tahun kewujudannya, Kuala Lumpur telah beransur-ansur menjadi sebuah bandar raya yang mempesonakan. Setiap Pengunjung akan menemui titik permulaan bandar raya bersejarah ini pada sejumlah bangunan awam yang dibina pada awal abad kewujudannya, yang dibina menurut budaya dan cara kehidupan pelbagai kaum.

Sebanyak 22 buah bangunan di berbagai lokasi di pusat bandar telah digazetkan sebagai bangunan lama dibawah Akta Benda Purba 1976 yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Muzium Negara. Bangunan-bangunan yang telah diwartakan ialah :

1. Bangunan Sultan Abdul Samad
2. Pejabat Pos Besar, Jalan Raja
3. Infokraf, Jalan Sultan Hishamudin
4. Mahkamah Tinggi, Jalan Raja
5. Pusat Perkhidmatan, Jalan Tun Perak
6. Standard Chartered Bank, Jalan Raja
7. Bank of China, Chow Kit, Jalan Raja
8. Dewan Bandaraya, Jalan Raja
9. Masjid Jamek
10. ...
11. ...
12. Bangunan Badan Pencerahan Rasuah, Jalan Sulaiman.

13. Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara
14. Inst. Medical Resc., Jalan Pahang
15. Balai Seni Lukis Negara, Jalan Sultan Hishamudin
16. Sek. Men. St. John, Jalan Bukit Nenas
17. Residensi, Jalan Dato' Onn
18. Istana Negara
19. Memorial P. Ramlee
20. Istana Tetamu, Kebun Bunga
21. Bangunan Percetakan Negara, Jalan Raja
22. Bangunan Bekas Jabatan Kerja Raya, Jalan Raja.

Kerjasama dari agensi-agensi bukan kerajaan seperti Badan Warisan banyak membantu DBKL untuk merealisasikan pendekatan pemuliharaan persekitaran bandar.

Setiap warga kota terutamanya pemilik bangunan lama perlu mempunyai kesedaran dan tanggungjawab sosial untuk mengekalkan dan menyelenggara bangunan mereka secara berterusan kerana secara tidak langsung sumbangan mereka akan meningkatkan lagi sektor pelancongan negara.

Penglibatan secara tegas dan kolektif daripada pelbagai pihak samada perseorangan, swasta, badan berkanun, pertubuhan bukan kerajaan dan pihak berkuasa tempatan dari segi perundangan, kewangan dan kesedaran amat diperlukan untuk bersama-sama menjaga dan memelihara warisan sejarah.

Warisan sejarah perlu dipelihara dan dikekalkan untuk kepentingan generasi akan datang.

